

**Permohonan Najib Ketepikan Sapina Saksi Kes Anwar Didengar 3 Okt
Bernama
29 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 3 Okt ini untuk mendengar permohonan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor bagi mengetepikan sapina yang menghendaki mereka menjadi saksi pembelaan dalam kes liwat melibatkan ketua pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah menetapkan tarikh itu selepas membenarkan permohonan menangguhkan perbicaraan yang dikemukakan oleh Datuk Ghazi Ishak, peguam yang mewakili Perdana Menteri dan isteri.

Mahkamah sepatutnya mendengar permohonan itu hari ini tetapi Ghazi memberitahu mahkamah bahawa mereka baru sahaja menerima salinan affidavit balas daripada Anwar pagi ini.

Katanya beliau memerlukan masa untuk mendapatkan arahan selanjutnya daripada Najib dan Rosmah sama ada Perdana Menteri dan isteri mahu membalas affidavit Anwar itu.

Peguam Anwar, Karpal Singh, dan Peguam Cara Negara II yang mewakili pihak pendakwaan tidak membantah.

Anwar dan pihak pendakwaan dinamakan sebagai responden dalam permohonan itu.

Mohamed Yusof memberitahu mahkamah bahawa pihak pendakwaan tidak akan mengemukakan affidavit bagi menjawab permohonan Najib dan Rosmah yang difailkan pada Rabu lepas.

Pada 8 Ogos, Hakim Mohamad Zabidin membenarkan permohonan Anwar bagi menemubual 71 saksi termasuk Najib dan Rosmah yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan.

Anwar, 64, diperintah membela diri terhadap pertuduhan meliwat bekas pembantu peribadinya Mohd Saiful Bukhari Azlan, 26, di Kondominium Desa Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun 2008.

Perbicaraan kes itu disambung dari 3 hingga 7 Okt ini.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616518>